

Bahasa Melayu boleh berkembang

BH 1/3/12 MS10

Peluang terbuka jika penutur pastikan penggunaan di pentas ilmu dan ekonomi antarabangsa

● NORFARAH ALIAH HISHAMOODIN | BERITA HARIAN



Dr Awang Sariyan dan Prof Graf di DBP, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Oleh Nazmi Yaakub
nazmi@bharian.com.my

PELUANG bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan ekonomi pada pentas antarabangsa kini bergantung kepada sejauh mana penutur bahasa itu menggunakannya dalam dua bidang itu di rantau sendiri khususnya Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam.

Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) melihat laluan berkenaan sudah jelas dengan meramalkan nilai ekonomi bahasa Melayu meningkat bersama-sama bahasa China, Arab, Russia dan sepatutnya dimanfaatkan pengguna bahasa terbabit.

Pada masa sama, IMF dalam data berkaitan ekonomi berdasarkan bahasa besar di dunia pada 2008 dan 2014, mengunjurkan bahasa utama Eropah khususnya Inggeris menurun 0.5 peratus setiap tahun.

Justeru, tidak ada pihak lain yang boleh diharap kecuali penutur dan pengguna bahasa Melayu untuk memastikan bahasa itu dapat menembusi persaingan sengit ekonomi yang memperlihatkan kemungkinan peralihan pusat kuasa ekonomi dari dunia Anglo-Saxon dan Eropah kepada China.

Keyakinan terhadap keupayaan



PESERTA bertanya soalan pada Ceramah Khas Tokoh - Peluang Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu dan Ekonomi Antarabangsa.

bahasa Melayu dan tanggungjawab penuturnya itu diluahkan pada Ceramah Khas Tokoh Peluang Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu dan Ekonomi Antarabangsa di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Pengarah Pusat Pengajian Asia Tenggara, Universiti Goethe Frankfurt, Prof Dr Arndt Graf, berkata da-

ta berkaitan itu berdasarkan perhitungan Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) untuk setiap kelompok bahasa, iaitu negara yang menggunakan bahasa berkenaan.

"Pada 2008, bahasa Inggeris digunakan oleh 35 peratus negara dalam konteks berkaitan ekonomi dunia, manakala bahasa Jepun sebanyak lapan peratus; China (8);

Jerman (8); Sepanyol (7); Perancis (6) dan Itali (4).

"Meskipun bahasa Inggeris masih tetap menguasai satu pertiga daripada berkaitan ekonomi dunia tetapi dengan catatan bahasa itu menurun sebanyak 0.5 peratus setiap tahun," katanya pada ceramah yang dipengerusikan Ketua Pengarah DBP, Dr Awang Sariyan.

Prof Graf berkata, bahasa China pula yang mewakili lapan peratus pada 2008 itu diunjurkan meningkat kepada 13 peratus pada 2014, sekali gus memperlihatkan perkembangan paling pesat, iaitu hampir 10 peratus.

"Bahasa Arab pula pada kedudukan kedua, iaitu berkembang 3.1 peratus setahun diikuti bahasa Russia (2.7 peratus), manakala bahasa Melayu yang mewakili Malaysia, Brunei Darussalam dan Indonesia sebanyak 2.6 peratus setahun.

"Sekiranya kita lihat pada bahasa yang turun, kita dapati kumpulan itu membabitkan bahasa Eropah seperti Jerman, Perancis, Sepanyol dan Itali, sekali gus memperlihatkan perkaitan dari segi ekonomi yang mulai menurun," katanya.

Beliau berkata, data itu menunjukkan pergeseran dalam kekuatan linguistik dan ekonomi yang sebelum ini dikuasai oleh Amerika Syarikat (AS), Inggeris dan Eropah kepada kelompok lain yang semakin menaik.

"Bagaimanapun, persoalan ini belum menjadi wacana umum yang dibincangkan secara serius tetapi proses (pergeseran kuasa) sedang berlaku dalam konteks bahasa dan